


SISTEM PENTADBIRAN KESULTANAN MELAYU MELAKA



Di peringkat jajahan, pembesar yang dilantik oleh Sultan Melaka dan Pembesar Berempat menguruskan pentadbiran daerah dan kampung. Mereka menjaga, mengekalkan keamanan dan dibenarkan mengutip cukai.

Sultan Melaka berkuasa dalam aspek pemerintahan, peperangan, hubungan diplomatik dan agama. Sultan Melaka dibantu oleh Pembesar Berempat yang terdiri daripada Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. Pembesar lain ialah Syahbandar, Bentara, Orang Kaya, Hulubalang dan Penghulu.